

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2002/2003

April 2003

**ZCA 102/4 Fizik II (Keelektrikan dan Kemagnetan)**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Pemalar-pemalar :

$$\text{halaju cahaya dalam vakum} = 3 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$$

$$\text{Ketelusan vakum}, \epsilon_0 = 8.85 \times 10^{-12} \text{ Fm}^{-1}$$

$$\text{Ketelapan vakum}, \mu_0 = 4\pi \times 10^{-7} \text{ Hm}^{-1}$$

$$\text{cas elektron}, e = -1.6 \times 10^{-19} \text{ C}$$


$$\text{jisim rehat elektron}, e_m = 9.11 \times 10^{-31} \text{ kg}$$

1. (a) Nyatakan Hukum Gauss

(10/100)

- (b) Rajah 1 menunjukkan satu sfera logam berjejari  $a$  dan berasa  $+Q$  di dalam sfera logam sepusat yang berjejari  $b$  dan disambung ke bumi. Dengan menggunakan Hukum Gauss, deduksikan keamatan elektrik pada titik  $x$ ,  $y$  dari pusat,  $o$ .


...2/-



Rajah 1

(30/100)

- (c) Terangkan dengan geraf perubahan medan elektrik,  $E$ , yang berada pada satu sfera logam pada setiap kedudukan  $x$  seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2. Cas pada sfera ialah  $1.6 \times 10^{-15} \text{ C}$  dan jejari sfera ialah 1 cm.



Rajah 2

(30/100)

- (d) Bunga api (*spark*) akan dihasilkan ke udara jika keamatan elektrik melebihi  $3 \times 10^6 \text{ NC}^{-1}$ . Berapakah cas maksimum pada permukaan satu sfera logam yang berjejari 0.5 cm sebelum bunga api terhasil.


(30/100)

2. (a) Terangkan prinsip superposisi.

(10/100)

- (b) Terbitkan satu ungkapan bagi medan elektrik yang lahir pada sepanjang paksi tengah sebuah gelung bulat yang bercas seperti pada rajah 3.


...3/-



Rajah 3

(50/100)

- (c) Apakah magnitud dan arah medan elektrik pada pusat sebuah segiempat tepat seperti dalam rajah 4.




Rajah 4

(40/100)

3. (a) Satu plat kapasitor selari yang diisi udara mempunyai renggang 1.0 mm. Kirakan luas plat jika nilai kapasitansnya adalah  $1.0 \mu\text{F}$ .

(30/100)

- (b) Satu kapasitor, C<sub>1</sub>, dicas oleh sebuah bateri sehingga beza keupayaan V<sub>0</sub>. Sambungan ke bateri kemudian diputuskan dan kapasitor tersebut disambung pula kepada sebuah kapasitor yang takbercas, C<sub>2</sub>, seperti dalam rajah 5 (jawapan anda hendaklah dalam sebutan V<sub>0</sub>, C<sub>1</sub> dan C<sub>2</sub>)



Rajah 5


(i) Apakah beza keupayaan terakhir pada kombinasi C1 & C2 sesudah suis S ditutup

(ii) Apakah tenaga yang tersimpan di dalam sistem selepas suis, S, ditutup

(50/100)

(c) Kirakan jumlah kapasitans bagi litar di dalam rajah 6 jika setiap kapasitor bernilah  $5.0 \mu\text{F}$ :

(20/100)



Rajah 6

4. (a) Terangkan bagaimana kesan Hall terjadi

(20/100)

(b) Satu elektron dengan tenaga kinetik 10 eV mengelilingi dalam satu satah yang tegak dengan medan magnet  $1.0 \times 10^{-4} \text{ T}$ .

- (i) Apakah jejari orbitnya?
- (ii) Apakah tempoh pusingannya?
- (iii) Tentukan arah pusingannya

(80/100)

...5/-

5. (a) Nyatakan Hukum Faraday.

(10/100)

(b) Satu solenoid panjang terdiri dari 200 lilitan  $\text{cm}^{-1}$  dan membawa arus 1.5 A serta mempunyai diamater 3.0 cm. Pada tengahnya terdapat satu gelung 100 lilitan  $\text{cm}^{-1}$  yang diletakkan sepaksu dengan solenoid dan ia mempunyai diameter 2.0 cm. Arus dalam solenoid dikurangkan ke sifar kemudian dinaikkan semula ke 1.5 A tetapi pada arah bertentangan dengan kadar perubahan yang malar dalam tempoh 50 ms. Apakah arus teraruh ke dalam gelung di tengah semasa arus solenoid berubah?

(70/100)

(c) Satu magnet dimasukkan ke dalam satu gelung dengan kutub utara di hadapan. Lakar dan tentukan arah arus teraruh di dalam gelung.

(20/100)

6. Tuliskan nota ringkas tentang :

(a) Keparamagnetan

(30/100)

(b) Kediamagnetan

(30/100)

(c) Keferomagnetan

(40/100)